

02/09/2003

Bajet 2004 hadiah istimewa PM

KUALA LUMPUR: Bajet 2004 yang terakhir dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 September ini, dikatakan akan menceriakan semua rakyat sebagai hadiah istimewa Perdana Menteri sebelum bersara bulan depan.

"Ini adalah bajet yang akan menggembirakan semua rakyat termasuk petani, kakitangan awam dan golongan korporat," kata sumber yang rapat dengan Perbendaharaan.

Sesetengah penganalisis juga tidak menolak kemungkinan Bajet 2004 akan menawarkan pelbagai imbuhan dan insentif kerana menjangka pilihan raya umum akan datang diadakan pada bulan puasa November ini.

Katanya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin membubarkan Parlimen sebaik mengambil alih kepemimpinan negara awal November ini, kerana sokongan rakyat terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Dr Mahathir masih mantap.

Difahamkan, sehingga kini kerajaan masih memperincikan butiran bajet itu yang akan mengekalkan format tahun lalu, iaitu membabitkan peruntukan untuk dua tahun bertujuan memastikan pelaksanaan pelbagai projek yang sudah dirancang dapat dilaksanakan lebih pantas untuk manfaat semua pihak.

Tidak diketahui sama ada Bajet 2004 masih mengekalkan defisit, namun penganalisis dan ahli ekonomi menjangka kerajaan masih membentangkan bajet defisit, yang ketujuh berturut-turut.

Mengenai sektor yang akan diberi tumpuan dalam Bajet 2004, sumber itu berkata, ia akan bersifat menyeluruh untuk memperbaiki ekonomi negara dan ia juga kekal menjurus kepada usaha meningkatkan fungsi sektor swasta.

Pada masa sama, bajet itu juga menilai kesan pakej rangsangan dan strategi yang sudah diumumkan Dr Mahathir pada 21 Mei lalu.

Sektor perumahan pula dijangka terus diberi perhatian meskipun ketika membentangkan Pakej Strategi Rancangan Ekonomi Baru itu, Dr Mahathir mengumumkan pembinaan 150,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) menerusi Projek Harapan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Pembinaan dan peningkatan jualan rumah dilihat kerajaan sebagai antara jentera penting yang dapat membantu menjana ekonomi negara.

Kini, lebih 500 projek perumahan dilaksanakan di seluruh negara. Ketika ini, SPNB sudah mengambil alih 97 projek perumahan mampu milik membabitkan 32,000 unit rumah di seluruh negara.

Usaha untuk mempercepatkan pengambilalihan terutama projek perumahan terbengkalai dijangka diumumkan pada bajet kali ini.

Selain itu, belum dipastikan lagi sama ada kerajaan akan menurunkan kadar cukai korporat yang kini berada pada kadar 28 peratus.

Bajet kali ini dijangka lebih menyeluruh berbanding Bajet 2003 yang dibuat berlandaskan strategi teras meningkatkan pelaburan tempatan, mengenal pasti dan meneroka bidang baru, memantapkan sektor perkhidmatan awam, dan memupuk masyarakat progresif serta menjamin kesejahteraan rakyat,

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan dijangka sekali lagi terus membentangkan bajet yang tidak membabitkan sebarang kenaikan cukai atau pengenalan cukai baru.

Belanjawan yang mesra rakyat, prihatin dan penyayang kali ini sudah pasti membawa banyak khabar gembira kepada semua, baik secara langsung mahupun tidak langsung.

Bagaimanapun, belum diketahui sama ada 950,000 kakitangan perkhidmatan awam akan terus mendapat penghargaan dalam bentuk bonus. Ketika

membentangkan Bajet 2003 tahun lalu, Dr Mahathir mengumumkan pembayaran bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 - tertinggi sejak 1993.

Difahamkan, golongan yang mungkin tidak mendapat nikmat sepenuhnya kali ini adalah kontraktor kerana pelbagai masalah timbul seperti menyerahkan kerja kontrak setelah mendapat kontrak kerajaan yang terbukti dalam kes pembinaan makmal sekolah.

Bajet 2003 lalu boleh dikatakan memberi `untung berganda' bagi kontraktor Bumiputera yang menyertai sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) apabila mereka diberi peluang untuk memperoleh kontrak lebih besar dengan nilai setiap kelas kontraktor dinaikkan.